



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

TAWARAN PENGURANGAN PENALTI DAN PENGHAPUSAN KENAIKAN CUKAI BAGI PENGAKUAN SECARA SUKARELA DAN PELUNASAN TUNGGAKAN HASIL

Sukacita dimaklumkan bahawa, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) membuat tawaran seperti berikut:

- i. **Pengurangan penalti** (Jadual 1) pada kadar tertentu bagi pengakuan secara sukarela kepada:
 - a. Pembayar cukai yang masih belum mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan tahun kebelakangan; dan
 - b. Pembayar cukai yang sudah mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan tetapi tidak melaporkan maklumat cukai pendapatan dengan betul.
- ii. **Penghapusan kenaikan cukai** (Jadual 1) kepada pembayar cukai yang melunaskan amaun tunggakan cukai pendapatan, cukai keuntungan harta tanah atau cukai pegangan sebelum atau pada 30 November 2015.

Tawaran ini akan bermula pada 1 Mei 2015 dan akan tamat pada 30 November 2015. **Pertimbangan pengurangan penalti dan penghapusan kenaikan cukai ini tertakluk kepada merit sesuatu kes dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh LHDNM.**

Jadual 1: Peruntukan-peruntukan penalti dan kenaikan cukai yang terlibat

Penalti Cukai	Kenaikan Cukai
<p>i. Subseksyen 112(3) dan subseksyen 113(2) Akta Cukai Pendapatan 1967</p>	<p><u>Tunggakan cukai pendapatan :</u></p> <p>i. Seksyen 103, subseksyen 107C(9) dan subseksyen 107B(3) Akta Cukai Pendapatan 1967.</p> <p><u>Tunggakan cukai keuntungan harta tanah :</u></p> <p>i. Subseksyen 21(4) dan seksyen 21B Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.</p> <p><u>Tunggakan cukai pegangan :</u></p> <p>i. Subseksyen 107A(2); atau ii. Subseksyen 109(2), subseksyen 109B(2), subseksyen 109D(3), subseksyen 109E(4), subseksyen 109F(2) dan subseksyen 109G(2) Akta Cukai Pendapatan 1967.</p>

Namun demikian tawaran ini tidak terpakai kepada pembayar cukai yang fail cukai mereka dikendalikan oleh Cawangan Cukai Multinasional dan Cawangan Petroleum, LHDNM.

Menurut Tan Sri Datuk Wira Dr. Mohd Shukor Hj. Mahfar, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, tawaran ini dibuat sebagai bukti keprihatinan kerajaan terhadap pembayar cukai yang turut terjejas dengan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai tawaran ini, pembayar cukai boleh menghubungi Pegawai Khidmat Pelanggan (Customer Care Officer) di cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai mereka.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

Masrun Bin Maslim | Pegawai Perhubungan Awam (Media)
Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat |

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21326 / 21313 | ☎ : 03-8313 7836

Pusat Panggilan : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh : 24 April 2015